

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 March 2016

Najib terus istiqamah, tidak hairan serangan politik

UM-17/3/2016

KUALA LUMPUR 16 Mac - Meskipun berhadapan dengan serangan politik yang berterusan sejak kebelakangan ini, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan beliau bersama-sama barisan kepimpinannya tetap istiqamah dan akan fokus menjalankan pentadbiran negara.

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa beliau tidak akan hilang hala tuju walau apa pun serangan yang datang.

"Saya mahu beritahu, sebagai

Perdana Menteri, saya dan rakan-rakan dalam pentadbiran tetap istiqamah dan fokus, ini penting.

"Kita tetap komited melaksanakan pelan, kita ada pelan dan telah berjaya dilaksanakan sehingga diiktiraf antarabangsa. Kalau terus istiqamah, konsisten, lambat laun rakyat akan menghargai usaha dilakukan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Tan Sri Annuar Musa (BN-Ketereh)** dalam sesi pertanyaan lisan sama ada Per-

dana Menteri sedar mengenai tekanan dan kempen terhadap beliau dan pendirian beliau berhubung perkara itu dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Najib menjelaskan, beliau sedar mengenai serangan-serangan politik tersebut dan tidak berasa hairan dengannya.

"Dulu, masa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, macam-macam dilemparkan kepada beliau seperti Mahazalim, Mahafiraun dan sebagainya.

"Tetapi sekarang ini, kita nampak duduk bersama (pembangkang) pula," jelas beliau.

Dalam pada itu, menjawab soalan tambahan **Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara)** mengenai situasi ketidak-tentuan berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Najib memberitahu, perkara itu telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk tentukan.

Apa yang penting jelas Najib ialah fakta pencapaian negara den-

gan pelaburan langsung asing (FDI) semakin mengalir ke dalam negara manakala pencapaian ekonomi pula antara yang tertinggi di dunia.

"Ini isu-isu yang diuar-uarkan secara tersusun. Kita akan beri jawapan, sebab saya bertanggungjawab kepada rakyat, maknanya saya serahkan pada PAC tentukan 1MDB dan mereka ada proses.

"Tiada apa perlu dirisaukan. Proses akauntabiliti akan tetap berjalan bagi negara kita," ujar beliau.